

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHANG LIH KANG
[TANJONG MALIM]**

TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan mengikut kategori kewarganegaraan yang diterima dan melebihi tempoh masa 1 tahun. Apakah langkah yang diambil dan tempoh masa yang diperlukan untuk menyelesaikan kes-kes permohonan yang belum selesai.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh dari tahun 2018 hingga 30 Jun 2020, sebanyak 20,850 permohonan yang diterima melebihi tempoh masa satu (1) tahun dan sedang diproses.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian **sedang melaksanakan tindakan segera secara berperingkat terhadap semua permohonan kewarganegaraan** yang diterima oleh Kementerian. Setiap permohonan berkenaan akan diproses dengan teliti dalam memastikan pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahatarafan anak, dan peraturan imigresen.

NO.SOALAN : 41

Dalam memastikan permohonan berkenaan diproses dengan lebih sistematik dan berkesan, Kementerian telah menambahbaik Prosedur Pengendalian Standard (SOP) Permohonan Kewarganegaraan Di Bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan dengan **tempoh pemprosesan yang lebih singkat** bagi **permohonan lengkap yang diterima mulai tahun 2020**.

Penambahbaikan SOP berkenaan adalah berdasarkan kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta turut mengambil kira pelbagai aspek termasuklah kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

Manakala, bagi permohonan kewarganegaraan lain di bawah Perlembagaan Persekutuan, fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh setiap pemohon akan diteliti secara *case-by-case* mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi pengeluaran keputusan dan ia berbeza-beza mengikut keperluan kes termasuklah tempoh mendapatkan laporan tapisan keselamatan yang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).